

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : ONLINE

TARIKH : 15 MEI 2022

HARI : AHAD

SENTIMEN : POSITIF



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU BH KAPSUL SUKAN SEA 2022

## Noraini lawat keluarga mangsa kemalangan

Oleh Mohd Amin Jalil - Mei 15, 2022 @ 10:58am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Noraini (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada ibu Allahyarham Muhammad Nabil Haikal, Siti Norazah ketika menziarahi keluarga terbabit di Kampung Batang Benar Nilai, malam tadi. - Foto Ihsan KPT.

NILAI: Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad menziarahi keluarga Allahyarham Muhammad Nabil Haikal Muhammad Fariz, seorang daripada mangsa tragedi kemalangan berhampiran terowong menora Perak, di Kampung Batang Benar, di sini, malam tadi.

Beliau berkata, ziarah itu diadakan sebagai tanda keprihatinan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) terhadap musibah yang melanda.

"Saya turut menyampaikan ucapan takziah dan memberi kata-kata semangat kepada keluarga mangsa.

"KPT bersama beberapa agensi seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah menghulurkan sumbangan kewangan kepada keluarga Allahyarham," katanya.

Agong dan Permaisuri ucapkan takziah, nasihat pemandu berhati-hati Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT, Datuk Dr Megat Sany Megat Ahmad Supian; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) Dr Mohd Zabri Yusoff; Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Husaini Omar; Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid dan Naib Canselor Universiti Sultan Azlan Shah (USAS),

Prof Tan Sri Dr Nordin Kardi serta Pengerusi Education Malaysia Global Services (EMGS), Datin Maizatul Akmam Alawi.

Allahyarham Muhammad Nabil, 19, bersama empat lagi rakannya dari USAS iaitu Muhammad Nasrun Aidol Munir Akbar, 22, Ahmad Naim Najmi Ahmad Hafizan, 21, Iqbal Hasnun Halimi, 23, dan Ahmad Akmal Ahmad Mokhlis, 20, meninggal dunia selepas terbabit kemalangan jalan raya di Kilometer 245.2 Lebuhraya Utara Selatan dekat Kuala Kangsar, Perak.

Terdahulu, jenazah Muhammad Nabil Haikal selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kariah Batang Benar, kira-kira jam 9 pagi semalam.

Kira-kira 100 penduduk termasuk ahli keluarga dan rakan Allahyarham hadir pada majlis berkenaan.

Allahyarham adalah anak sulung daripada tiga beradik dan meninggalkan ibunya, Siti Norazah Bahari, 42, serta dua adik iaitu, Muhammad Nabil Hairish, 14 dan Nurain Qaisara, 10.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/05/955639/noraini-lawat-keluarga-mangsa-kemalangan>